

Tulis karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 180 patah perkataan.

Pendidikan dalam bidang sains dan teknologi sangat penting kepada para pelajar.

Suatu ekspo pendidikan sains dan teknologi akan berlangsung di sekolah anda.

Perihalkan pengalaman anda ketika melakukan persiapan untuk menjayakan ekspo tersebut.

Lengkapkan karangan dengan perkataan dan frasa yang sesuai. **SP 3.3.1 (KBAT)** Mengenalal; Menolipta
[30 markah]

beberapa kategori
sehingga jauh malam
Kelab Usahawan Muda
julung-julung kali dianjurkan
menjalankan tugas masing-masing
mempamerkan perkhidmatan mereka

menjamu selera
di sekeliling padang
menarik nafas lega
pasukan terakhir
khemah-khemah yang disediakan
menyerikan suasana ekspo

Bulan ini para pelajar, guru dan pekerja Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Mahkota sibuk

(1) _____ sebagai persiapan untuk Ekspo Pendidikan Sains dan Teknologi yang (2) _____ oleh sekolah. Akulah yang paling sibuk kerana dilantik sebagai pengerusi Persatuan Reka Bentuk dan Teknologi sekolah.

Sehari sebelum ekspo berlangsung, pelajar-pelajar telah berpadu tenaga untuk menyediakan tempat pameran. Bangunan blok B diubah suai untuk dijadikan bilik pameran. Pameran dibahagikan kepada (3) _____. Antaranya termasuklah Fizik, Kimia, Biologi, Matematik, dan Reka Bentuk dan Teknologi. Bendera setiap negeri dalam Malaysia turut dipacakkan (4) _____. Berbelas-belas khemah didirikan untuk menempatkan beberapa agensi dan jabatan kerajaan yang telah diundang khas untuk (5) _____.

Selain itu, gerai-gerai yang menjual pelbagai jenis makanan dan minuman ditempatkan di lapang buah khemah. Kesemua gerai itu dikendalikan oleh (6) _____ sekolah. Aku menasihati ahli jawatankuasa Kelab Usahawan Muda untuk menghiasi gerai masing-masing agar dapat memikat hati pengunjung untuk (7) _____ di gerai mereka. Tujuannya adalah bagi (8) _____.

Sehari sebelum berlangsungnya ekspo tersebut, agensi-agensi yang terlibat mula menempatkan segala alatan dan barang pameran di (9) _____. Mereka kemudian disusuli para peserta ekspo yang datang dengan membawa bahan pameran masing-masing. Jawatankuasa Pelaksana terpaksa bertugas (10) _____ untuk memastikan segala persiapan dibereskan. Hal ini disebabkan masih ada juga sekolah yang belum dapat menghantar bahan pameran mereka. Peserta-peserta dari Sekolah Menengah Datuk Osman Bakar merupakan (11) _____ yang tiba untuk menyusun peralatan ciptaan mereka.

Kini, tibalah hari yang ditunggu-tunggu. Aku sudah boleh (12) _____ kerana segala persiapan sudah pun selesai dilakukan. Aku berharap agar semuanya berjalan lancar pada hari perasmian kelak.